

**HUBUNGAN RENTAS SEMPADAN DAN PENGARUHNYA TERHADAP  
PEMBENTUKAN PEMIKIRAN HUKUM ISLAM DI KELANTAN**  
**(Cross-Border Relations and its Influence on Formation of  
Islamic Legal Thoughts in Kelantan)**

Oleh:

Noor Naemah Abd Rahman\*

Mohamad Nabil Mohamad Shukri\*\*

**Abstrak**

*Tahap intelektualisme hukum sesebuah masyarakat adalah dipengaruhi oleh aliran pendidikan dan pemikiran hukum yang dikuti oleh masyarakat tersebut. Berasaskan fakta yang ada, kajian ini cuba menyoroti hubungan antara kedua-dua perkara diatas yang berlaku di negeri Kelantan dengan menggunakan pendekatan analisis historis. Penelitian terhadap fakta yang ada mampu menjelaskan rantaian hubungan dan jaringan pemikiran rentas sempadan antara pusat pendidikan asal dengan nilai intelektualisme yang terbentuk dalam sempadan tempatan. Fakta sejarah yang diadun dalam kajian ini telah menemukan empat pusat pendidikan utama yang berpengaruh besar kepada pembentukan nilai intelektualisme hukum di negeri Kelantan. Empat pusat tersebut adalah al-Haramain, Patani, Mesir dan India. Artikel ini akan membincangkan bagaimanakah bentuk rentas hubungan yang wujud antara keempat-empat pusat tersebut dengan bentuk pendidikan di negeri Kelantan dan pengaruhnya kepada pembentukan nilai intelektualisme hukum dalam masyarakat tempatan.*

**Kata kunci:** Pemikiran Hukum Islam, Tahap Hukum Islam, pusat pendidikan, Kelantan, Malaysia

**Abstract**

*The level of Islamic legal thought that exists in any society is very much influenced by the trends of education and legal thoughts applied therein. Such influences are often conformed to by the society, both the scholarly elites and the public. Based on this notion, this research seeks to understand the linkages existing between the trends of education and thoughts of Islamic jurisprudence, with special attention to the context of Kelantan. Historical analysis is used as a research approach. Observation shows the connection between legal thoughts scholars developed in their educational centers as well as the standards of legal thoughts constructed in this very society. Based on the historical evidences and facts, this research discusses four principal educational centers, each of which exercised a significant influence in the establishment of legal thought in Kelantan. These include scholars from al-Haramayn, Patani, Egypt and India. This paper*

---

\* Noor Naemah Abd Rahman (Datin), PhD, merupakan Prof Madya di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajaran Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Beliau boleh dihubungi melalui email: naemah@um.edu.my

\*\* Mohamad Nabil Mohamad Shukri, MSh, merupakan lulusan ijazah tinggi di Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajaran Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

also explains the linkages that existed between these four centers as well as the trends of education used in Kelantan, and the influence leading to the establishment of level of legal thoughts in the local society.

**Keywords:** Islamic legal thoughts, level of legal thoughts, educational centres, Kelantan, Malaysia

## Pengenalan

Kajian mengenai sejarah pemikiran hukum Islam di Kelantan akan berkait rapat dengan sejarah islamisasi negeri tersebut. Oleh yang demikian sejarah ketibaan, pertapakan dan pengembangan dakwah Islam menjadi penting untuk dilihat kerana penelitian terhadap perkara tersebut mampu menjelaskan akar tradisi intelektualisme sesebuah lokaliti dan persekitaran. Walaupun telah banyak penulisan yang mengetengahkan persoalan bila, bagaimana, siapa dan kelompok mana yang paling bertanggung jawab dalam usaha pengislaman masyarakat Melayu di Nusantara dan Malaysia secara umumnya namun tidak ditemui kajian-kajian historikal dalam jumlah yang signifikan berkenaan pensejarahan Islam Kelantan secara yang lebih khusus sama ada yang dihasilkan oleh sejarawan Barat maupun oleh para pengkaji tempatan. Hal ini mungkin disebabkan oleh faktor tidak wujud rekod sejarah lengkap yang boleh menjelaskan keadaan pemerintahan dan suasana sosio-agama dan budaya masyarakat Kelantan sebelum tertubuhnya dinasti Long Yunus.<sup>1</sup> Hal ini tentunya menyukarkan para pengkaji dalam memahami dan melakukan proses rekonstruksi sejarah Islam di Kelantan secara khusus.

Faktor kekurangan sumber sejarah ini juga menyebabkan kebanyakan kajian dan penulisan tentang sejarah Islam di Kelantan menggunakan corak penulisan yang memulakan perbahasan topik sejarah islamisasi di Kelantan secara umum dan kemudiannya memfokuskan perbincangan kepada perkembangan Islam di Kelantan pada era penghujung abad ke-19 dan separuh pertama abad ke-20.<sup>2</sup> Secara umumnya kebanyakan penyelidik menyatakan bahawa usaha dakwah Islamiyah di Kelantan bermula sejak abad ke-11 atau ke-12 Masihi lagi atau mungkin di antara abad ke-10 Masihi hingga abad ke-15 Masihi.<sup>3</sup>

---

<sup>1</sup> W.A.Graham menjelaskan bahawa berdasarkan pemerhatiannya terhadap sejarah awal Kelantan, tidak terdapat kenyataan-kenyataan sejarah yang dapat dikesan dengan baik kerana mungkin telah hilang ditelan zaman kerana mungkin budaya pendokumentasian belum menyerlah atau mungkin telah rosak atau lupsus disebabkan senantiasa berlaku kacau bilau dan perperangan. Lihat petikan kata-kata berkenaan dalam Abdullah Alwi Haji Hassan (1996), *The Administration of Islamic Law in Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 1. Tentunya sejarah Islamisasi juga boleh dikaitkan dengan kenyataan Graham ini.

<sup>2</sup> Lihat Abdul Razak Mahmud (2002), *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, h. 103.

<sup>3</sup> Lihat misalnya Muhammad Kamil Haji Abdul Majid (1993), "Dakwah Islamiyah di Kelantan dari Zaman Long Yunus hingga Perang Dunia II" dalam *Pengasuh*, Bil.526, Ramadan-Zulkaedah 1413H – Mac-April 1993, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan., Muhammad Hussein Khal'ie Awang (1970), *Kelantan dari Zaman ke Zaman*, Kota Bharu: Syarikat Dian Sdn. Bhd, h. 7, lihat juga Wan Mohd Shaghir Abdullah (2001), *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat*

Walaupun tasawwur yang komprehensif tentang pensejarahan awal Islam di Kelantan tidak diperolehi, tetapi yang pasti penerimaan Islam dalam kalangan masyarakat Melayu Kelantan telah berjaya mencetuskan pelbagai implikasi positif sehingga Kelantan terkenal sebagai salah sebuah pusat ketamadunan Islam di rantau alam Melayu. Antara yang terpenting ialah, berlakunya proses pencerdasan spiritual, intelektual dan keperibadian masyarakat Kelantan sehingga dalam babak sejarah tertentu berjaya melakarkan negeri berkenaan dengan gelaran “Serambi Mekah”.

Ditinjau dari sudut perkembangan intelektual Islam di Kelantan, resolusi pencejarahan intelektualisme rantau Melayu yang diketengahkan oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas wajar diterima sebagai landasan. Ianya boleh digeneralisasikan kepada semua konteks peradaban Melayu termasuklah peradaban Melayu Timur Laut yang termasuk di dalamnya wilayah Kelantan. Di dalam penulisannya, beliau mengusulkan bahawa kedatangan Islam mengalami tiga fasa utama perkembangan yang natijahnya telah menyebabkan berlakunya transformasi besar-besaran ke atas umat Melayu. Fasa-fasa berkenaan adalah: fasa pertama merupakan fasa konversi nominal, fasa kedua merupakan fasa konversi jati diri dan jiwa Melayu manakala peringkat ketiga merupakan fasa kesinambungan dan penerusan fasa kedua secara yang lebih aktif.<sup>4</sup>

Menurut beliau kurun ke-16 dan kurun ke-17 merupakan periode perkembangan pesat rasionalisme dan intelektualisme di rantau Melayu dengan munculnya penulisan-penulisan prolifik dalam Bahasa Melayu sama ada karya asli, terjemahan maupun komentar serta huraiyan ke atas karya-karya silam yang bukan dalam bahasa Melayu.<sup>5</sup> Berdasarkan kenyataan berkenaan, di samping faktor terhadnya sumber, tidak bersalahan jika pemerhatian tentang pencejarahan pemikiran hukum Islam di Kelantan dimulakan pada era fasa ketiga menurut pembahagian Syed Naquib al-Attas.

Sememangnya penghujung abad ke-18 hingga awal abad ke-20 menyaksikan kemunculan Kelantan bersama-sama Terengganu dan Banjarmasin sebagai pusat tamadun Melayu Islam rantau Melayu dengan mengambil alih peranan Patani pada abad yang sebelumnya.<sup>6</sup> Era berkenaan memperlihatkan suatu kesuburan dalam penyebaran dan intensifikasi usaha penerapan penghayatan cara hidup Islam di Kelantan.

Perkembangan berkenaan disimbolkan oleh komitmen para ulama dan penguasa melalui inovasi dan reformasi pendidikan dan pentadbiran yang berteraskan

---

*Dunia Melayu*, c.2, Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, h. 5.

<sup>4</sup> M. Kamal Hassan (1996), *Towards Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysian Society, Some Critical Observations*, Petaling Jaya: ABIM, h. 2-3.

<sup>5</sup> Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Petaling Jaya: ABIM, h. 44-45.

<sup>6</sup> Hashim Haji Musa (2001), *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, h. 58.

syariat. Usaha-usaha penyemaian budaya ilmu melalui pemesatan penubuhan institusi pendidikan pondok dengan disokong oleh penghasilan tulisan dan wacana genre tasawwuf, metafizik, ilmu logik dan manual perundangan adalah sebahagian daripada manifestasi komitmen ulama dan umarak berkenaan.<sup>7</sup>

Represantasi senario yang menonjolkan sinergi antara golongan ulamak dan umarak boleh dilihat dalam beberapa siri peristiwa sejarah yang mendatangkan impak yang signifikan kepada pembudayaan hidup Islam di Kelantan. Polisi dan dasar pemerintahan Che Ha yang didokong kuat oleh para ulamak Kelantan pada penghujung abad ke 19 dalam penegasan dan penghayatan hidup Islam adalah antara yang sangat signifikan. Begitu juga sejarah pengasasan dan penubuhan MAIK pada awal abad ke-20 adalah antara babak penting yang boleh menjadi represantasi hubungan sinergetik tersebut.<sup>8</sup>

### Salasilah Pemikiran Islam Kelantan

Sesuatu produk pemikiran Islam termasuklah pemikiran hukum dan fatwa sebenarnya jika diteliti dan dihalusi, mampu menyerlahkan rantai hubungan dan jaringan autoriti perundangan Islam yang berpusat di Timur Tengah dengan suatu kawasan di mana bentuk pemikiran tersebut dioperasikan. Dalam konteks perbincangan mengenai asal usul pemikiran Islam tempatan ia bakal menyerlahkan penglibatan hubungan rentas-sempadan antara pemikiran Islam di Kelantan dan pemikiran Islam di Timur Tengah, Indo-Pakistan dan Patani.

Sememangnya salasilah pemikiran Islam di alam Melayu termasuk Kelantan tidak dapat lepas daripada pengaruh pusat tradisi pengajian Islam internasional yang utama iaitu al-Haramain, al-Azhar di Mesir dan Deoband di benua kecil India. Patani pula muncul sebagai pusat pengajian serantau utama yang melakarkan jaluran intelektual keagamaan di Kelantan.

Meskipun demikian tidak dapat dinafikan terdapat pengaruh Parsi, Yaman dan Andalus<sup>9</sup> sebagai pusat pengajian Islam di peringkat antarabangsa dan Aceh diperingkat serantau dalam pembentukan pemikiran Islam di Nusantara. Hal ini terjadi demikian memandangkan terdapat isyarat dan petunjuk bahawa pusat-pusat penyebaran dakwah Islamiah utama yang memainkan peranan dalam penyebaran Islam di nusantara ialah Arab (Yaman), Arab-Andalus dan Parsi, manakala

<sup>7</sup> Lihat penjelasan lanjut dalam Abdul Rahman Abdullah (1998), *Pemikiran Islam Di Malaysia Sejarah Dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Pendidikan Jarak Jauh USM, h. 29-30.

<sup>8</sup> Lihat dalam Abdullah Alwi Haji Hassan (1996), *The Administration of Islamic Law in Kelantan*, h. 7 dan h. 69-73.

<sup>9</sup> Wan Mohd Shaghir Abdullah dalam komentar ringkasnya terhadap satu manuskrip warisan Syeikh Ahmad al-Fatani iaitu kitab *Bughyat al-Mubtad'i wa Ghunyat al-Muntahi fi 'Ilm al-Fara'id* menjelaskan bahawa manuskrip berkenaan yang dihasilkan oleh ulama Andalus, adalah antara bukti bahawa karya-karya Andalus pernah berpengaruh dalam dunia Melayu. Beliau juga menyebutkan bahawa terdapat catatan dari Syeikh Ahmad al-Fatani bahawa Arab-Andalus pernah berperanan sebagai penyebar Islam di dunia Melayu. Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (2000), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, j.2, Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, h.11-12.

terminal yang menjadi gerbang masuk dakwah Islamiah ialah Aceh dan Langkasuka. Oleh yang demikian pengaruh pemikiran daripada tempat-tempat berkenaan turut menyerap dan berpengaruh dalam pembentukan pemikiran Islam di nusantara.<sup>10</sup>

Namun impak hasil pemikiran kawasan-kawasan berkenaan jika ditinjau dalam konteks perkembangan pemikiran di Kelantan khususnya, adalah dalam bentuk skala yang kecil. Oleh yang demikian tulisan ini akan lebih mengkhususkan empat pusat pemikiran Islam utama yang memberi pengaruh yang signifikan kepada perkembangan pemikiran hukum Islam di Kelantan. Empat pusat pemikiran Islam berkenaan ialah al-Haramain, Mesir, Patani dan India.

### **Al-Haramain Sebagai Pusat Pengaruh Pemikiran Hukum Islam Kelantan**

Jika disorot sejarah perkembangan keilmuan Islam pada fasa awal dan fasa pengukuhan di rantau Nusantara, secara yang hampir pasti, boleh dikatakan bahawa sebahagian besar pengaruh intelektualisme Islam datangnya dari Hijaz khususnya dari al-Haramain iaitu Mekah dan Madinah.<sup>11</sup> al-Haramain sememangnya merupakan pusat kecemerlangan ilmu-ilmu Islam yang sangat berpengaruh bukan sahaja kepada alam Melayu malah seluruh dunia Islam terutamanya pada periode tertentu dalam babak sejarah kecendekiawan Islam. Menegaskan hakikat ini Dr. Azyumardi Azra menyebutkan:

“Mekah dan Madinah, setidak-tidaknya sejak awal abad ke-16 memainkan peranan yang kian penting dalam wacana pemikiran intelektual keagamaan Islam. Disintegrasi dan peragian (*decay*) dinasti-dinasti Muslim di Timur Tengah, khususnya sejak abad ke-13, turut mendorong kebangkitan kembali Mekah dan Madinah sebagai salah satu pusat terpenting *religio-intellectual discourse* Islam. Meskipun secara kuantitatif institusi-institusi wacana intelektual keagamaan di Mekah atau Madinah tidak pernah sebanyak yang dimiliki Baghdad atau Kairo, kedudukan sentarlnya sebagai kota kelahiran dan pertumbuhan awal Islam serta sebagai tempat ibadah haji dan ziarah suci, memberikan bobot tersendiri dan nilai tambah yang signifikan, baik terhadap pemikiran Islam yang dikembangkannya maupun terhadap daya dorong atau pengaruhnya atas bagian-bagian lain dunia Muslim.”<sup>12</sup>

Menyentuh peranan al-Haramain sebagai pusat keilmuan dan dakwah Islam serta relevansinya dengan kegiatan keilmuan dan dakwah di rantau Nusantara, Azra menyebutkan:

<sup>10</sup> Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (2000), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, j.1, Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, h. 4-5.

<sup>11</sup> Md. Sidin Ahmad Ishak, Mohammad Redzuan Othman (2000), *The Malays in the Middle East*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, h. 25-34.

<sup>12</sup> Azyumardi, Azra (1999), “Ulama Jawi di Haramayn: Pasang Surut Wacana Religio-Intelektual,” dalam Azyumardi, Azra, *Renaissance Islam Asia Tenggara Sejarah Wacana dan Kekuasaan*, Bandung: PT Remaja Rosdakarya, h. 144.

“al-Haramayn sememangnya memainkan peranan yang signifikan dalam pembentukan tradisi kecendikiaan Islam di alam Melayu. Tradisi reformasi keagamaan dalam rantau ini adalah terasas daripada lingkaran kelompok para ulama di Haramayn yang kemudiannya dipindahkan ke alam Melayu melalui para ulama Jawi yang pernah menuntut di sana..”<sup>13</sup>

Berdasarkan keterangan sejarah turut membuktikan bahawa pelajar-pelajar Jawi keluaran al-Haramain merupakan agen penggerak utama tradisi intelektual dan keilmuan Islam dalam kelompok umat Melayu. Mereka menjadi medium perantara utama tradisi intelektual-keagamaan dari pusat-pusat keilmuan Islam di Timur Tengah ke Nusantara. Pelajar-pelajar ini kemudiannya berfungsi menjadikan sebahagian kawasan-kawasan tertentu di Nusantara sebagai pusat perkembangan ilmu Islam.<sup>14</sup>

Secara lebih khusus, kaitan Kelantan dan Hijaz khususnya al-Haramain dapat diandaikan bahawa masyarakat Islam Kelantan telah mengenali dan mengetahui peranan Mekah dan Madinah sejak awal kedatangan Islam lagi. Namun untuk menentukan bahawa masyarakat Islam Kelantan secara praktisnya datang atau berada di Mekah untuk kegiatan haji dan menuntut ilmu agama agak sulit. Generalisasi yang mampu dibuat ialah masyarakat Islam Kelantan mula mendatangi al-Haramain dalam jumlah yang agak ramai apabila berlakunya era intensifikasi penghayatan Islam di Kelantan khususnya dengan wujud dan berkembangnya institusi pengajian Islam tempatan dalam bentuk pondok<sup>15</sup> dan pengajian halaqah Masjid Muhammadi di Kota Bharu.<sup>16</sup>

Hal demikian berlaku memandangkan pondok dan Masjid Muhammadi berfungsi sebagai institusi pendidikan menengah dan tempatan manakala al-Haramain khususnya Masjid al-Haram di Mekah berfungsi sebagai institusi pengajian tinggi antarabangsa. Shafie Abu Bakar menjelaskan hal berkenaan yang menyebutkan:

“...Pendek kata pengajian pondok boleh ditarafkan pada peringkat pengajian menengah atas atau lebih tinggi di dalam konteks pengajian moden kita. Puncak dari corak pengajian tradisi, jika berkelayakandan berkemampuan pelajar-pelajar akan dihantar menuntut di Mekah di samping menunaikan haji di sana. Di sini pelajar-pelajar akan menuntut bertahun-tahun lamanya sebelum pulang ke tanah air. Mekah dianggap puncak pengajian tradisi sebelum Mesir mengambil tempatnya. Pada

<sup>13</sup> Azyumardi, Azra (1997), “Education, Law, Mysticism: Constructing Social Realities,” dalam Mohd Taib Osman, (ed.), *Islamic Civilisation in the Malay World*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, h. 172.

<sup>14</sup> M. Kamal Hassan (1996), *Towards Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysian Society, Some Critical Observations*, h. 2-3

<sup>15</sup> Mohd Yusoff Abd.Rahman (1975-1977), “Pelajaran Ugama dan Kemunculan Ulamak Kelantan,” dalam *Jebat*, bil. 5/6, 1975/76-1976-77, Bangi: Jabatan Sejarah, UKM, h. 97.

<sup>16</sup> Abdul Razak Mahmud (1408H-1987M), “Masjid Muhammadi Kota Bharu (1867-1987),” dalam *Pengasuh*, bil. 490, Rabi’ul akhir 1408H - Dis 1987M, Kota Bharu: MAIK, h. 19-20.

pandangan umum pun dilihat bahawa kealiman seseorang itu belum sempurna jika ianya tidak diperkuat dengan penunaian haji ke Mekah. Demikianlah kita dapat ramai dari kalangan ulama-ulama terkenal adalah lulusan pondok yang menyambung pelajarannya ke Mekah contohnya seperti Sheikh Abdul Malik bin Abdullah Trengganu, Syeikh Dawud bin Abdullah al-Fatani, Sheikh Abdul Samad al-Falimbani, Sheikh Muhammad Nafis al-Banjari, Sheikh Muhammad Nawawi al-Jawi, Sheikh Abdul Samad al-Kelantani, Sheikh Wan Ali Kotan dan lain-lain lagi. Setengah-setengah daripada mereka bukan sahaja setakat belajar, tetapi menjawat jawatan sebagai guru kepada pelajar-pelajar yang datang dari tanah Jawi.”<sup>17</sup>

Hakikatnya dalam membincangkan hubungan al-Haramain dengan perkembangan pemikiran hukum Islam di Kelantan, ia akan lebih jelas kelihatan jika disorot aspek biografi dan latar akademik tokoh-tokoh ulama Kelantan yang terlibat dalam sektor *ta’lim, ifta’* dan politik pentadbiran. Kajian-kajian biografi terhadap tokoh-tokoh ulama yang bergiat dalam sektor-sektor berkenaan menyerlahkan fakta-fakta tuntas bahawa bentuk dan pengetahuan keilmuan Islam dalam kalangan ulama Kelantan adalah dicorakkan oleh al-Haramain.<sup>18</sup>

Ditinjau peranan Mekah dan sektor *ta’lim* di Kelantan, tokoh intelektual paling awal yang dikatakan menjadi pengasas kepada suatu gerakan secara terancang untuk mengembangkan pendidikan Islam di Kelantan ialah Tuan Syeikh Haji Abdul Halim.<sup>19</sup> Beliau yang mendapat pendidikan awal di Mekah atas inisiatif dan pembentukan Long Yunus apabila pulang ke Kelantan, telah memulakan pengajarannya sebaik sahaja pulang dari Mekah pada penghujung abad ke-18.<sup>20</sup>

Sistem dan struktur pengajian Islam tradisional yang diperkenalkan oleh beliau adalah berasaskan pengajian al-Quran dan pengajian asas agama yang lain dan khalayak pelajarnya meliputi para elit dan masyarakat awam.<sup>21</sup> Pendidikan Islam yang diperkenalkan oleh beliau telah menjadikan kawasan Kampung Sireh dan sekitarnya menjadi sebuah pusat pendidikan Islam terawal di Kelantan.<sup>22</sup> Natijah pendidikan yang diperkenalkan oleh tokoh berkenaan telah berjaya melahirkan minat dan kecenderungan hidup beragama dalam kalangan masyarakat Kelantan.

<sup>17</sup> Shafie Abu Bakar (1984), “Ke Arah Pembaikan dan Pengembangan Sistem Pondok di Malaysia – Suatu Penyesuaian Dengan Perkembangan Pendidikan Kini,” dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, bil. 2, Muhamarram 1405-Okt. 1984, Kuala Lumpur: ABIM, h. 30.

<sup>18</sup> Lihat secara umum misalnya penulisan Ismail Che Daud (ed.) (2001), *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung (I)*; Muhammad Yunan Mahmud (2000), *opcit.* dll

<sup>19</sup> Lihat Abdul Halim Ahmad (1982), “Pendidikan Islam di Kelantan,” dalam Khoo Kay Kim, (ed), *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 1-2, lihat juga Nik Mohamed Nik Mohd Salleh (1985), “Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan,” dalam Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, (ed), *Warisan Kelantan IV*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 99.

<sup>20</sup> Abdul Halim Ahmad (1982), “Pendidikan Islam di Kelantan,” dalam Khoo Kay Kim, (ed), *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*, h. 1-2

<sup>21</sup> *ibid.*

<sup>22</sup> *ibid.*

sama ada dalam kalangan kelompok birokrat maupun kelompok awam. Hal ini telah bertindak sebagai nukleus kepada pencetusan hubungan pengajian Islam secara lebih ekstensif antara Kota Bharu dan al-Haramain.<sup>23</sup>

Impak al-Haramain terhadap sektor *ta'lim* di Kelantan akan lebih terserlah sekiranya diteliti sejarah kemunculan institusi pondok. Kemunculan institusi pondok di Kelantan boleh dianggap sebagai jambatan intelektual yang menghubungkan al-Haramain dan Kelantan. Pondok boleh disamakan dengan peranan institusi pengajian tahap pertengahan manakala pengajian di al-Haramain adalah ibarat pengajian bertaraf universiti pada era berkenaan. Faktor kemunculan pondok di Kelantan yang dikendalikan oleh lulusan al-Haramain telah menjadi penyebab kepada melekatnya gelaran serambi Mekah.<sup>24</sup>

Secara kronologikalnya institusi pondok di Kelantan mula diperkenalkan dalam tahun 1820an oleh Haji Abdul Samad bin Abdullah (1792M-1873M) yang lebih dikenali dengan gelaran Tok Pulai Chondong. Beliau yang merupakan lulusan al-Haramain, boleh dianggap sebagai tokoh perintis dan pelopor dalam memperkenalkan sistem pendidikan bercorak pondok di Kelantan hingga berjaya menarik para pelajar dari dalam dan luar Kelantan.<sup>25</sup> Semenjak dari itu, sistem pendidikan Islam di Kelantan khususnya mula berkembang terutamanya dengan kemunculan Masjid Muhammadi pada era pertengahan abad ke 19 dan awal abad ke 20 sebagai pusat pengajian Islam yang utama dengan didukung pula oleh tokoh-tokoh ulama lepasan al-Haramain yang berwibawa.<sup>26</sup>

Berkenaan perkara ini, Ismail Che Daud dalam lakaran umum pensejarahan pengajian agama dan sistem pondok di Kelantan menyebutkan:

“Kebanyakannya mereka yang tersenarai dalam Tahap Ketiga (guru-guru pondok antara 1910-1930an) boleh disifatkan sebagai golongan ulama bertuah kerana berpeluang berguru dengan guru-guru ternama di kota ilmu Makkah. Kota Makkah pada dekad-dekad 1890an dan 1900an sememangnya menjadi pusat penyebaran ilmu pengetahuan, menampilkan tokoh-tokoh jempoilan seperti Syaikh Abdul Kadir bin Abdul Rahman al-Fatani, Syaikh Muhammad bin Syaikh Ismail Daud al-Fatani (Syaikh Nik Mat Kecik), Syaikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani (Tok Guru Wan Ahmad), Syaikh Ahmad Khatib bin

<sup>23</sup> Abdul Razak Mahmud (2002), *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, h. 104-105.

<sup>24</sup> Lihat Ismail Che Daud (1991), “Sekolah Pondok di Negeri Kelantan: Satu Tinjauan Umum,” dalam Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, (ed), *Warisan Kelantan X*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 1.

<sup>25</sup> *Ibid*, h. 2, lihat juga Mohd Pakhruddin bin Abdullah (2003), “Pengajian Ilmu Fiqh di Pondok Pasir Tumbuhan: Satu Kajian Terhadap Metodologi dan Keberkesanannya,” (Disertasi Sarjana Usuluddin Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 79-80.

<sup>26</sup> Lihat Hamdan Hassan (1985), “Peranan Pendidikan Islam Masjid Muhammadi Kota Bharu Pada Permulaan Abad ke-20 Masihi,” dalam Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusoff, (ed), *Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya: Satu Kumpulan Esei*, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu, h. 150-152.

Abdul Latif Minagkabau, Syaikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga, Syaikh 'Uthman bin Abdul Wahhab Sarawak, Syaikh Muhammad Ali bin Abdul Rahman al-Kelantani (Tok Wan Ali Kutan), Tuan Abdul Muttalib bin Tuan Faqih Abdulllah Kota, Syaikh Said bin Muhammad al-Yamani, Syaikh Nawawi Banten, Syaikh Muhammad Said Babsail, Syaikh Suru, Syaikh Saruji, Syaikh Abdullah Senggora, Syaikh Zainuddin Sumbawa, Syaikh Muhammad bin Yusuf Khayyat, Syaikh Hasbullah, Sayyid Ahmad bin Zaini Dahlan, Sayyid Abdullah al-Zawawi, sayyid Abu Bakr bin Sayyid Muhammad Syata, Sayyid Muhammad Amin bin Sayyid Ahmad dan lain-lain guru lagi.”<sup>27</sup>

Hubungan al-Haramain dan Kelantan, selain dicorakkan oleh hubungan umum berbentuk institusional, turut dicorakkan oleh satu pola atau struktur hubungan yang lebih eksklusif dan peribadi. Hubungan ini, pada waktu mutakhir dipopularkan dengan istilah “jaringan ulama”. Azra dalam mencirikan maksud istilah “jaringan ulama” berkenaan menyebutkan bahawa inti dari jaringan berkenaan ialah kewujudan sejumlah ulama terkemuka yang datang dari pelbagai pelusuk dunia Islam yang kemudiannya menetap dan mengajar di al-Haramain. Jaringan ulama berkenaan juga tidak diorganisasikan dalam bentuk formal dan ketat tetapi lebih menjurus kepada hubungan-hubungan informal dan personal yang terjalin di antara pelbagai garis salasilah intelektual yang kompleks.<sup>28</sup>

Pemerhatian terhadap perkara berkenaan pastinya mempertegaskan lagi penghuraian lanjut terhadap transmisi gagasan intelektual keagamaan dari al-Haramain ke nusantara termasuklah ke negeri Kelantan khususnya dalam bentuk pencorakan agen-agen pembaharuan pemikiran keagamaan dan perkembangan institusi pendidikan seperti pondok.<sup>29</sup>

Penelusuran lebih mendalam kepada salasilah intelektual para guru pondok, mufti dan ulama birokrat khususnya di Kelantan akan menatijahkan dapatkan yang menyatakan bahawa hampir keseluruhan daripada mereka mempunyai hubungan dengan al-Haramain.<sup>30</sup> Hal yang hampir sama berlaku dalam perkembangan penyebaran dan pengamalan tarikat di Kelantan khususnya dan nusantara umumnya.<sup>31</sup>

---

<sup>27</sup> Ismail Che Daud (1991), “Sekolah Pondok di Negeri Kelantan: Satu Tinjauan Umum,” dalam Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, (ed), *Warisan Kelantan X*, h. 10-11.

<sup>28</sup> Azyumardi, Azra (1999), “Ulama Jawi di Haramayn: Pasang Surut Wacana Religio-Intelektual,” dalam Azyumardi, Azra, *Renaisans Islam Asia Tenggara Sejarah Wacana dan Kekuasaan*, h. 144-145.

<sup>29</sup> Lihat Abd. Jalil bin Borham (1996), “Sumbangan Ulama dalam Perkembangan Islam di Alam Melayu,” dalam *Jurnal Syariah*, j.4, bil. 2, Jul. 1996, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 279-280.

<sup>30</sup> Lihat Mohammad Redzuan Othman (2001), “Masjid al-Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Intelektualisme Masyarakat Melayu,” dalam *Jurnal Usuluddin*, bil.13, Jul. 2001, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, h. 71.

<sup>31</sup> Van Bruinessen, Martin, (1994), “Origins and Development of the Sufi Orders (Tarekat) in Southeast Asia,” *Studia Islamika*, vol.1, no.1, Jakarta: Centre for the Study of Islam and Society of the State, Institute for Islamic Studies, h.1-23.

Secara yang lebih lanjut manifestasi hubungan al-Haramain-Kelantan lebih jelas boleh dilihat setelah penelitian dilakukan kepada penglibatan dan aktiviti Syeikh Wan Ali Kutan dan Syeikh Wan Ahmad Muhammad Zain al-Fathani di al-Haramain dan “wakil-wakil”nya di Kelantan. Dari kedua ulama besar ini khususnya Syeikh Wan Ahmad, berasalnya sebahagian besar akar kecendekiawan para ulama Kelantan.<sup>32</sup> Beberapa nama yang paling menonjol dan berkait dengan institusi jaringan berkenaan ialah antaranya ialah Haji Wan Ishak bin Imam Haji Abdullah, Haji Wan Muhammad, Haji Omar bin Ismail Sungai Keladi, Tok Kenali (Haji Awang Muhammad Yusof), Haji Wan Musa bin Haji Abdul Samad, Haji Ibrahim bin Haji Muhammad Yusuf dan lain-lain tokoh lagi.

Selain hubungan institusi pendidikan tempatan dan eksperimen langsung tokoh-tokoh ulama Kelantan dengan al-Haramain, pengaruh teks-teks yang berasal dan dihasilkan di al-Haramain juga tidak dapat dinafikan atau diketepikan. Hal ini disebabkan Mekah, khususnya pada akhir abad ke-19 dan awal abad ke-20, telah muncul sebagai pusat yang menduduki hiraki tertinggi pengajian Islam,<sup>33</sup> serta pusat penghasilan, percetakan dan pengedaran buku-buku bahasa Arab dan Melayu yang terulung.<sup>34</sup> Tentang perkembangan percetakan, peranan Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani sangat penting. Beliau adalah ulama yang merintis usaha percetakan kitab-kitab Melayu dalam skala yang besar hasil dari perundingan dengan kerajaan Turki.

Secara yang lebih khusus mengenai kaitan Kelantan dengan usaha Syeikh Wan Ahmad dalam peluasan penyebaran kitab-kitab berkenaan. Wan Mohd Shaghir menjelaskan bahawa terdapat bukti hubungan berkenaan dengan kewujudan al-Mathba’ah al-Miriyah al-Kalantaniyah. Pusat percetakan berkenaan dibiayai modalnya oleh Syeikh Wan Ahmad dengan dokongan dari Syeikh Wan Ali Kutan dan Syeikh Nik Mat Kechik. Malah percetakan berkenaan juga mendapat restu kerajaan Uthmaniyyah kerana fungsinya seperti cawangan kepada Mathba’ah al-Miriyah di Mekah. Tujuan percetakan berkenaan diwujudkan adalah untuk menyebarluaskan pengedaran kitab-kitab Jawi khususnya karangan ulama Patani-Kelantan di Kelantan dan kawasan sekitarnya.<sup>35</sup>

<sup>32</sup> Lihat kajian biografi kedua-dua tokoh punca jaringan berkenaan misalnya dalam Ismail Che Daud (2001) “Syeikh Wan Ahmad Patani (1856-1908),” dalam Ismail Che Daud, (ed), *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (I)*, h. 139-163, lihat juga Ismail Awang (2001), “Tok Wan Ali Kutan (1837-1913),” dalam *ibid*, h. 177-188, lihat juga Hamdan Hassan (1985), “Peranan Pendidikan Islam Masjid Muhammadi Kota Bharu Pada Persemaian Abad ke-20 Masihi,” dalam Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusoff, *op.cit.* h. 150-173.

<sup>33</sup> Lihat Mahmood Zuhdi (1992), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya, h. 217-224.

<sup>34</sup> Mohammad Redzuan Othman (2001), “Masjid al-Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Masyarakat Melayu,” dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil 13, Jamadil – Awwal 1422/ Julai 2001, Kuala Lumpur: APIUM, h. 66.

<sup>35</sup> Abdul Razak Mahmud (2001), “Haji Wan Daud Khatib (1860an-1936),” dalam Ismail Che Daud, (ed), *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (I)*, h. 375-376.

Selain bahan bercetak, terdapat juga pengaruh bahan bertulis dalam bentuk surat-surat hubungan antara ulama, birokrat dan pemerintah Kelantan dan ulama di al-Haramain. Kenyataan berkenaan boleh dibuktikan dengan meneliti surat-surat hubungan antara Syeikh Ahmad al-Fatani antaranya, surat Raja Kelantan bertarikh 13 Ramadhan 1323H yang bertanyakan tentang amalan tertentu tarikat Ahmadiyah khususnya perihal *majzub*; surat-surat Haji Ishaq bin Imam Abdullah bertarikh 18 Safar 1321H, Zulhijah 1324H; surat-surat dari Syeikh Ahmad kepada Haji Nik Mahmud dan lain-lain lagi.<sup>36</sup>

Signifikannya penjelasan tentang sektor kehidupan yang menjadi pusat pengaruh al-Haramain di Kelantan seperti sektor pendidikan, jaringan intelektualisme dan seumpamanya adalah disebabkan sektor-sektor berkenaan menjadi acuan dan medium kepada pembentukan proses intelektualisme Islam di Kelantan. Bahkan hal ini selanjutnya memanifestasikan asal usul pemikiran hukum dan fatwa negeri Kelantan secara langsung. Justeru, ciri-ciri dan kecenderungan pemikiran hukum yang dikembangkan di al-Haramain turut mempengaruhi pemikiran para mufti dan ulama yang menganggotai Jemaah Ulama MAIK sepanjang kewujudannya sehingga kini.<sup>37</sup>

### **Patani Sebagai Pusat Pengaruh Intelektualisme Hukum Islam Kelantan**

Peranan Patani dalam mempengaruhi perkembangan pemikiran hukum Islam Kelantan tidak dapat diketepikan. Ini kerana Patani dan Kelantan adalah dua wilayah yang sangat akrab dan rapat. Menurut sebahagian pengkaji, kedua-dua kawasan geografi berkenaan tidak sewajarnya dikaji secara terpisah sejarah dan budaya pra-moden keduanya.

Abdul Razak Mahmud dalam kajiannya terhadap persuratan Islam di Kelantan, Terengganu dan Patani menyebutkan bahawa dari segi historio-politik, hubungan antara ketiga-tiga negeri berkenaan sangat rapat sehingga pada satu ketika dalam abad ke-17 ketiga-tiga negeri berkenaan pernah bersatu di bawah satu kekuasaan politik di bawah nama negara Patani Besar.<sup>38</sup> Dalam hal ini juga, Wan Mohd Shaghir Abdullah pula dalam membincangkan hubungan intelektual dan kekerabatan Kelantan-Patani beliau menegaskan:

---

<sup>36</sup> Lihat Wan Mohd Shaghir Abdullah (2001), “Manuskrip Melayu Pattani: Hubungan Pattani, Natuna, Kelantan, Terengganu dan Kemboja,” (Kertas Kerja Kolokium Peradaban Melayu Kawasan Timur Laut, di Kota Bharu Kelantan, 18-20 September 2001, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka), h. 16-17 dan lihat juga Wan Mohd Shaghir (2000), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, j.1, h. 46-47 dan 55-57.

<sup>37</sup> Sebahagian besar daripada mereka adalah lulusan al-Haramain dan mana-mana yang terkecuali daripada kumpulan besar inipun sekiranya diteliti latar pendidikan mereka akhirnya turut mempunyai perkaitan dengan pengaruh intelektualisme al-Haramain. Lihat penjelasan lanjut misalnya dalam Ismail Che Daud (1994), “Satu Abad Mufti-Mufti Kerajaan Kelantan,” dalam Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, (ed), *op.cit.* h. 49-81, dll.

<sup>38</sup> Abdul Razak Mahmud (2000), “Persuratan Islam di Kelantan, Terengganu dan Fatani Sehingga Awal Abad Ke-20,” dalam *Pengasuh*, bil. 566, Rejab-Sya’ban-Okttober-Nov. 2000, Kota Bharu: MAIK, h. 14.

“Ramai orang berpendapat bahawa Patani dan Kelantan adalah dua negeri yang terpisah. Ini memang benar jika ditinjau dari kaca mata geografi, peta dan pemisahan politik sekarang ini. Tetapi apabila kita mengkaji pertalian kekeluargaan, budaya dan politik Melayu pada zaman silam kadang-kadang mahu tak mahu kita mesti mengakui bahawa tidak ada garis pemisah di antara Patani dan Kelantan itu. Apabila kita membicarakan sejarah ulama Patani atau ulama Kelantan kadang-kadang di hujung namanya memakai al-Fathani tetapi dia sebenarnya ada perhubungan darah dengan orang Kelantan. Demikian sebaliknya ada yang memakai nama al-Kalantani namun dalam tubuhnya ada mengalir darah orang yang berasal daripada Patani...”<sup>39</sup>

Mohd Zamberi Abd. Malek menyatakan bahawa Kelantan mempunyai pertalian kebudayaan, politik, dialek bahasa, hubungan keagamaan para ulama dan juga sering kali menjadi destinasi pelarian bangsawan dan rakyat jelata Patani. Pertalian antara kedua-duanya memang sangat erat dan sukar dipisahkan. Malah beliau menyebutkan bahawa seorang penyelidik iaitu Anker Rentse menyatakan adalah mustahil mengkaji sesuatu tentang Kelantan tanpa merujuk jalinannya dengan Patani.<sup>40</sup>

Antara sumbangan utama Patani dalam perkembangan pemikiran hukum Islam di Kelantan adalah fungsinya sebagai pusat pengajian persediaan bagi para pelajar daripada Kelantan dan nusantara. Umumnya ia bertujuan untuk mendapatkan orientasi pendidikan pra al-Haramain yang menyediakan para pelajar untuk melanjutkan pelajaran ke pusat pendidikan tersebut. Selain daripada itu, Patani juga menjadi model pusat pendidikan Islam yang lebih sistematik kepada Kelantan dalam bentuk sistem pondok dan halaqah pengajian kitab.<sup>41</sup>

Memandangkan penyerapan pengaruh Patani lebih tertumpu kepada institusi pendidikan pondok di Kelantan, maka sisi berkenaan perlu dikupas bagi memperlihatkan kesannya. Menurut Rahimin Affandi, antara faktor atau punca penyerapan pengaruh institusi pondok ala Patani di Alam Melayu termasuk Kelantan boleh disandarkan kepada dua faktor. Pertamanya; sistem pondok Patani telah menjadi pusat utama melatih ulama Melayu yang kemudiannya membuka pondok sendiri. Faktor kedua; terdapat segelintir ulama Patani yang berhijrah ke

<sup>39</sup> Wan Mohd Saghir Abdullah (2000), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, j.1, h. 41.

<sup>40</sup> Lihat Mohd Zamberi Abd. Malek (1994), *Patani Dalam Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 68-69. Menurut S.Othman Kelantan, Patani dan Kelantan dalam tradisi kebudayaan Melayu tradisional adalah sama sahaja dan tidak boleh dilihat secara yang terpisah kerana kesepadan dan persamaan sistem masyarakatnya, loghat penuturnannya dan kesemua bentuk aspek kemasyarakatan yang lain. Lihat S.Othman Kelantan (1980), *Qiblah*, bil. 119, Jul 1980, Tahun 10, h. 13.

<sup>41</sup> Rahimin Affandi Abdul Rahim (2001), “Pengaruh dan Pemikiran Fuqaha Patani Dalam Perundangan Islam di Malaysia: Satu Analisa,” (*Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara I: Peranan dan Sumbangan Ulama Patani*, di Pattani, Thailand, 19-20 Mei 2001 – 26-27 Safar 1422H, anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Thailand, h. 5-7).

Tanah Melayu dan kemudiannya mengembangkan sistem pondok di tempat penghijrahan mereka.<sup>42</sup> Samsu Adabi pula menegaskan bahawa hubungan keilmuan Patani dan Tanah Melayu memperlihatkan hubungan timbal balik antara kedua-duanya dalam pelbagai bentuk. Sebagai contoh, penghijrahan ulama Patani ke Tanah Melayu; pemerian ulama Tanah Melayu ke Patani; pengajian ulama Tanah Melayu dengan ulama Patani di Mekah; dan pengajian ulama Patani dengan ulama Tanah Melayu di Mekah dan sebagainya.<sup>43</sup> Secara yang lebih spesifik tentang hubungan Kelantan-Patani dan institusi *ta'lim* dan *ifta'*, pemerhatian biografi ke atas beberapa tokoh ulama Kelantan yang terlibat dalam institusi pondok dan institusi fatwa di Kelantan seperti Haji Ali Pulau Pisang, Haji Yaakob Legor sudah cukup membuktikan kewujudan hubungan berkenaan.

### **Mesir Sebagai Pusat Pengaruh Pemikiran Hukum Islam Kelantan**

Walaupun dikatakan bahawa peranan Mesir sebagai pusat pengajian keagamaan yang berprestij mula terserlah dan mendapat perhatian dalam kalangan orang Melayu dalam era 1920-an iaitu periode pasca perang Dunia Pertama,<sup>44</sup> namun secara yang agak sederhana boleh dikatakan bahawa hubungan Mesir-Tanah Melayu dalam bentuk yang tidak langsung dan kurang ekstensif telahpun bermula jauh sebelum periode berkenaan.

Perkara ini akan lebih jelas, sekiranya pengaruh teks-teks mazhab al-Syafi'i terhadap pemikiran dan kefahaman hukum masyarakat Melayu Islam ditonjolkan.<sup>45</sup> Hal ini berlaku demikian memandangkan sebahagian teks berkenaan seperti *al-Umm*, *Manhaj al-Tullab*, *Fath Wahhab*, *Nihayat al-Muhtaj*, *Hasyiah Qalyubi wa 'Umayrah*, *Mughni al-Muhtaj*, *al-Iqna'*, *Hasyiah al-Bajuri* adalah hasil penulisan ulama-ulama Syafi'i yang berpusat di Mesir. Pengaruh daripada teks-teks ini juga, selain dijadikan teks-teks di institusi pondok dan fatwa tempatan, dapat juga dilihat dalam penghasilan kitab Jawi karangan Syeikh Daud al-Fathani, Syeikh Ahmad al-Fathani, dan lain-lainnya.<sup>46</sup>

Hubungan keilmuan antara Mesir dengan masyarakat Melayu, dikatakan bermula dengan adanya beberapa pelajar Melayu yang melanjutkan pelajaran ke Universiti al-Azhar di Kaherah. Menurut Ismail Che Daud, antara pelajar Melayu yang

<sup>42</sup> *Ibid*, h. 8.

<sup>43</sup> Samsu Adabi Mamat (2001), "Sumbangan Ulama Patani Terhadap Pendidikan Ulama Tanah Melayu (Malaysia) Awal Abad Ke-20," (Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara I: Peranan dan Sumbangan Ulama Patani, di Pattani, Thailand, 19-20 Mei 2001 – 26-27 Safar 1422H, anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Thailand).

<sup>44</sup> Md. Sidin Ahmad Ishak, Mohammad Redzuan Othman (2000), *The Malays in the Middle East*, h. 47.

<sup>45</sup> Lihat kepentingan memahami aspek pengaruh teks ini dalam Omar Awang (1981), "The Major Arabic Sources Which Determined The Structure of Islamic Thought in the Malay Archipelago Before the Nineteenth Century A.D. in the Field of Law, Theology, and Sufism," dalam Lutpi Ibrahim, (ed), *Islamika Esei-Esei Sempena Abad ke-15 Hijrah*, Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise, h. 80-85.

<sup>46</sup> Lihat Ahmad Mohammad Ibrahim, Mahmud Saedon et al. (1990), "Islamization of The Malay Archipelago and the Impact of al-Shafii's *Madhhab* on Islamic Teachings and Legislation in Malaysia," dalam Research Papers of the Symposium on the Commemoration of the Twelfth Centenary of the Death of Imam al-Shafii, Kuala Lumpur, Malaysia, 13-15 August, ISESCO, h. 45-55.

termasuk dalam golongan pertama yang diterima masuk belajar di Universiti al-Azhar ialah Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani, Haji Muhammad Amin Nad Dang, Patani, Haji Daud Kubang Bunut, Pasir Mas, Haji Wan Mahmud (Tok Mesir) Lorong Gajah Mati, Kota Bharu dan Tuan Guru Haji Wan Abdul Mubin, Pulau Beluru, Kota Bharu.<sup>47</sup>

Menurut Md.Sidin Ahmad dan Mohammad Redzuan Othman, al-Azhar mula mendapat perhatian dalam kalangan para pelajar Melayu apabila wujud saranan dan gesaan yang serius daripada Syeikh Wan Ahmad. Gesaan dan galakan berkenaan ditujukan secara khusus kepada para pelajar Melayu yang telah melalui tahap pengajian peringkat tinggi di Mekah. Salah satu sampel yang menunjukkan galakan berkenaan khususnya terhadap para pelajar Kelantan adalah kandungan yang terdapat dalam surat Syeikh Wan Ahmad kepada Nik Mahmud bin Haji Ismail Kelantan (kemudiannya bergelar Dato' Perdana). Antara isi surat berkenaan adalah sebagaimana berikut:

“adapun keadaan anakda hendak pulang pada bulan Rejab ini, setengah daripada barang yang mendukacitakan hati ayahda, kerana harap ayahda bahawa anakda mendapatkan ‘ulum dan ma’arif di Mesir atas kadar yang memberi manfaat bagi diri anakda, bahkan bagi anak jenis Melayu kita barang yang belum mendapatkan dia oleh orang yang dahulu daripada anakda daripada anak Kelantan.”<sup>48</sup>

Selain daripada peranan Syeikh Ahmad al-Fatani, peranan para pelajar lain juga turut dianggap penting dalam mempromosikan al-Azhar dalam kalangan masyarakat Melayu sebagai pusat pendidikan tinggi terulung. Generasi lepasan al-Azhar yang awal ini menggunakan majalah *Neracha* untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan melanjutkan pelajaran di al-Azhar.<sup>49</sup> Peranan individu tertentu di al-Azhar sendiri seperti Syeikh Abd al-Aziz Afendi al-Suhaimi, seorang yang rapat dengan Syeikh al-Azhar pada masa berkenaan, juga boleh dianggap sebagai faktor yang mempertingkatkan lagi tahap kecenderungan dan minat masyarakat Melayu terhadap al-Azhar. Majalah *Pengasuh* melaporkan bahawa dalam bulan Oktober 1924, Syeikh Abd al-Aziz telah datang ke Tanah Melayu dan Indonesia dalam misi untuk berkempen tentang kelebihan melanjutkan pelajaran di al-Azhar.<sup>50</sup>

Kemunculan dan perkembangan sistem madrasah yang diperkenalkan kebanyakannya oleh para lulusan Mesir yang awal di Tanah Melayu kemudiannya mewujudkan kesinambungan penghantaran pelajar ke al-Azhar. Al-Azhar

<sup>47</sup> Lihat Ismail Che Daud (2001), “Syeikh Wan Ahmad Patani (1856-1908),” dalam Ismail Che Daud, (ed), *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (I)*, h. 140.

<sup>48</sup> Lihat petikan berkenaan dalam Wan Mohd Shaghir Abdullah (2002), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, j.4, Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah, h. 72.

<sup>49</sup> Md.Sidin Ahmad Ishak dan Mohammad Redzuan Othman (2000), *The Malays in the Middle East*, h. 47.

<sup>50</sup> Lihat *Pengasuh*, vol.7, bil.159, November 1924, dipetik dalam *ibid*, h. 47.

menjadi pusat tumpuan lulusan madrasah memandangkan sistem madrasah dilihat tidak begitu sejalan dengan sistem pengajian tinggi tradisional di Mekah.<sup>51</sup> Dalam konteks Kelantan misalnya peningkatan kuantiti yang agak signifikan pelajar Kelantan di al-Azhar mempunyai hubungan langsung dengan penubuhan dan perkembangan Madrasah Muhammadi di Kota Bharu.<sup>52</sup>

Terdapat juga faktor-faktor ekonomi tertentu yang juga menyumbang kepada peningkatan kuantiti pelajar Melayu di al-Azhar. Faktor kenaikan harga getah di pasaran dunia serta pembukaan Terusan Suez dikatakan telah membantu peningkatan secara mendadak jumlah pelajar Tanah Melayu di al-Azhar khususnya pada awal 1920-an yakni selepas tamatnya Perang Dunia I.<sup>53</sup>

Faktor politik pula lebih tertumpu kepada keadaan sosio-politik di Mekah yang kurang kondusif untuk belajar pada masa berkenaan disebabkan berlakunya ketegangan akibat kebangkitan golongan Wahhabi.<sup>54</sup> Hal ini menyebabkan kiblat pengajian tinggi bagi masyarakat Islam di Tanah Melayu mula beralih ke al-Azhar. Permulaan kepada peralihan tersebut boleh dilihat dengan wujudnya satu trend baru dalam kalangan para pelajar Melayu di Mekah untuk menyambung pelajaran di al-Azhar, Kaherah. Hal ini dikatakan bermula pada awal kurun ke 20 dan dikatakan berterusan sehingga tahun-tahun 1920-an.<sup>55</sup>

Selain daripada perubahan sosio-politik di Hijaz, faktor iklim politik di Mesir turut menjadi tarikan penting. Othman Abdullah, antara pelajar Tanah Melayu awal yang melanjutkan pelajaran tinggi ke al-Azhar, mengatakan bahawa tindakan beliau memilih Mesir bukannya Mekah, dipengaruhi hakikat bahawa di Mekah seseorang hanya didedahkan dengan dimensi pengajian agama sahaja manakala di Mesir para pelajar akan turut mempelajari sudut siasah dan politik.<sup>56</sup>

Dalam konteks hubungan langsung Mesir-Kelantan dan kaitannya dengan perkembangan pemikiran hukum, manifestasi hubungan berkenaan boleh dilihat dengan berlakunya beberapa reformasi besar dalam sejarah intelektualisme Islam di Kelantan. Hal ini berkait langsung dengan kemunculan tokoh-tokoh ulama pendidik, ulama pentadbir dan ulama pengarang yang mendapat pendidikan di Mesir. Tokoh ini kemudiannya berjaya memberikan wajah dan arah baru kepada corak pembangunan modal insan secara Islam di Kelantan.

Kemunculan institusi birokratik MAIK yang berfungsi menyelaras aktiviti pembangunan Islam dalam bentuk spiritual-intelektual dan prasarana fizikal misalnya merupakan impak langsung daripada pengaruh pemikiran Islam di Mesir memandangkan penubuhannya adalah hasil usaha tokoh-tokoh yang menerima pengaruh didikan Kaherah seperti Haji Muhammad Haji Mohd Said, Haji

---

<sup>51</sup> *Ibid.*

<sup>52</sup> *Ibid.*

<sup>53</sup> *Ibid.*

<sup>54</sup> *Ibid.*

<sup>55</sup> *Ibid.*, h. 52.

<sup>56</sup> Roff, William R (1970), "Indonesian and Malay Students in Cairo 1920's," *Indonesia*, no.9, April 1970, Cornell University, h. 74.

Muhammad Yusof Ahmad dan Dato' Perdana Haji Nik Mahmud.<sup>57</sup> Kegiatan MAIK dalam membangunkan prasarana sosio-pendidikan keagamaan di Kelantan khususnya dengan pengenalan sistem madrasah moden sebagaimana yang dikenali hari ini boleh dikatakan menambahkuuhkan jalinan hubungan Kelantan-Mesir. Malah hal ini lebih jelas dapat dilihat sekiranya diteliti kerangka peraturan dan modus operandi sekolah-sekolah agama MAIK pada fasa formatif yang didasarkan di atas undang-undang dan sistem persekolahan Mesir.<sup>58</sup>

Pengukuhan hubungan intelektual antara Mesir dan Kelantan semakin meningkat dari masa ke semasa sejak dari terasasnya sistem persekolahan agama-Arab di Kelantan. Pengukuhan ini disebabkan wujudnya kegiatan penyaluran pelajar secara berterusan dan konsisten ke al-Azhar. Kemunculan Maahad Muhammadi, sekolah-sekolah agama Arab yang lain, penubuhan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Nilam Puri<sup>59</sup> serta timbulnya institusi pendidikan tempatan yang menawarkan sijil yang diiktiraf oleh al-Azhar adalah manifestasi langsung hubungan erat Kelantan-al-Azhar.

Selain dalam bentuk hubungan institusional, hubungan Kelantan-Mesir turut kelihatan dalam beberapa bentuk lain seperti hubungan peribadi dan pengaruh bahan bercetak. Contoh yang menyerlahkan interaksi peribadi antara Kelantan-Mesir boleh dilihat dalam kes Raja Ibrahim berkenaan masalah anjing. Walaupun kes berkenaan berakhir secara tidak konklusif, namun sekiranya diperhatikan pada peringkat pasca perdebatan, prestij al-Azhar sebagai suatu kiblat rujukan hukum terserlah apabila kes berkenaan dirujuk semula oleh Raja Ibrahim kepada *Lajnat al-Fatawa* al-Azhar untuk mendapatkan kata muktamad.<sup>60</sup> Tindakan Haji Wan Musa yang memohon kepastian daripada Syeikh Rashid Rida berkenaan masalah amalan talqin yang diamalkan di Kelantan boleh juga dijadikan sampel hubungan dan prestij berkenaan.<sup>61</sup>

### **India Sebagai Pusat Pengaruh Pemikiran Hukum Islam Kelantan**

Dilihat dalam konteks yang lebih luas dan umum, India seperti juga Hijaz dan Mesir mempunyai pengaruh yang kuat dalam konteks perkembangan pemikiran hukum Islam di Kelantan. Hal ini berkait rapat dengan kebangkitan India sebagai

<sup>57</sup> Roff, William (1974), "The Origin and Early Years of the Majlis Agama," dalam Roff, William, (ed), *Kelantan Religion, Society and Politics in a Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, h. 125-126.

<sup>58</sup> Lihat Muhammad Yunan Mahmood (1997), *Sejarah Maahad Muhammadi 1937-1997*, Kota Bharu: Maahad Muhammadi Lelaki, h. 2-3. Lihat Abdullah Alwi Haji Hassan (1980), "The Development of Islamic Education in Kelantan," dalam Khoo Kay Kim et al. (ed), *Islam di Malaysia*, c.2, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. h. 196, Abdul Rahman Al-Ahmadi (2004), *Abdul Kadir Adabi dan Asaad Shukri: Suatu Perbandingan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 3-6.

<sup>59</sup> Lihat Wan Burhadin Wan Omar (1983), "Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (sehingga 1974)," dalam Nik Abdul Aziz Nik Hassan, (ed), *Islam di Kelantan*, h. 91-149.

<sup>60</sup> Lihat fakta kes dan penjelasan jawapan balas al-Azhar Roff, William (1996), "An Argument about How to Argue," dalam Masud, Khalid et al. (ed), *Islamic Legal Interpretation, Muftis and Their Fatwas*, London: Harvard University Press, h. 223-229.

<sup>61</sup> Nik Abdul Aziz Nik Hassan (1977), *Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan, Sejarah Gerakan dan Perkembangan Alam Pemikiran Islam di Jajahan Kota Bharu 1900-1940*, h. 212-215.

pusat pendidikan Islam yang penting dengan kewujudan madrasah dan universiti Islam. Institusi-institusi pendidikan ini menjadi tarikan kepada pelajar-pelajar untuk mendalami ilmu-ilmu keagamaan dari seluruh dunia dan tidak terkecuali dari Tanah Melayu termasuklah Kelantan.<sup>62</sup> Hal ini sangat jelas sekiranya diperhatikan kehadiran sejumlah pelajar-pelajar Melayu khususnya dari Kelantan di Madrasah Deoband dan lain-lainnya.

Pengaruh India dalam mencorakkan pemikiran hukum Islam di Kelantan jelas boleh dilihat jika kajian terhadap peranan seorang tokoh ulama dari India yang menetap di Kelantan iaitu Tok Khurasan dilakukan. Tok Khurasan atau nama sebenarnya Abu Abdullah Syed Hassan bin Nor Hassan dilahirkan di Bhafar, India pada 1875.<sup>63</sup> Tarikh penghijrahannya ke Kelantan tidak diketahui dengan tepat, namun terdapat pandangan yang menjelaskan bahawa beliau sudah berada di Kelantan selewat-lewatnya pada tahun 1915.<sup>64</sup>

Penelusuran ke atas latar belakang pendidikan beliau menunjukkan bahawa beliau telah memperolehi pendidikan keagamaan peringkat tinggi di Darul Ulum, Deoband. Beliau dikatakan sangat berkeahlilan dalam ilmu-ilmu yang berkait dengan hadis, fiqh Hanafi dan mantik.<sup>65</sup> Beliau merupakan tokoh yang bertanggung jawab memperkenalkan pengajian hadis serta pembawa aliran Tariq Waliyullah al-Dihlawi ke Kelantan.<sup>66</sup> Hal ini boleh difahami memandangkan madrasah Darul Ulum, Deoband sememangnya menjadi pusat pengajian hadis dan pusat ajaran Shah Waliyullah al-Dihlawi.

Menyentuh peranan Tok Khurasan dalam pengasasan dan pengukuhan pengajian hadis di Kelantan, Abd. Hayei Abdul Sukor dalam kajianya tentang pengaruh aliran al-Dihlawi di Kelantan menyebutkan bahawa Tok Khurasan adalah tokoh yang bertanggungjawab membawa masuk aliran pengajian hadis aliran al-Dihlawi-Deoband yang melibatkan pengenalan komprehensif aspek *riwayah, dirayah* dan *syarah* dalam pengajian hadis dan ini dilaksanakan melalui sistem halaqah.<sup>67</sup> Ismail Che Daud pula menjelaskan:

“ tentang pengajarannya, Sayid Hasan lebih cenderung mengajar kitab-kitab hadith *Sunan Sittah* yang terdiri dari *Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Abu Daud, Sunan al-Turmudzi, Sunan Ibn Majah* dan *Sunan al-Nasai*. Bagaimanapun bagi

<sup>62</sup> Lihat Azharudin Mohamed Dali (2003), “Pengaruh India dalam Gerakan dan Perkembangan Islam di Kalangan Orang Melayu: Dengan Penelitian Terhadap Tariq Shah Wali Ullah dan Gerakan Tabligh,” *Jurnal YADIM*, bil. 5, Dis 2003, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia, h. 20-21.

<sup>63</sup> Ismail Che Daud (2001), “Tok Khurasan (1875-1944),” dalam Ismail Che Daud, (ed), *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (1)*, h. 437.

<sup>64</sup> Lihat Nik Abdul Aziz Nik Hassan (1983), “Lima Orang Tokoh Ulama di Negeri Kelantan,” dalam Nik Abdul Aziz Nik Hassan, (ed), *Islam di Kelantan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia, h. 35.

<sup>65</sup> *Ibid*, h. 21.

<sup>66</sup> Ismail Che Daud (2001), “Tok Khurasan (1875-1944),” dalam Ismail Che Daud, (ed), *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (1)*, h. 437.

<sup>67</sup> Lihat Abd. Hayie Abdul Sukor Mohd Noor Deris (1988), “Sumbangan Shah Waliyullah al-Dihlawi kepada Ilmu Hadith dan Pengaruhnya di Kelantan,” (Tesis P.hd. Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 239-288.

mereka yang baru belajar, terlebih dahulu beliau memperkenalkan kitab *Mishkat al-Masabih* setebal 628 muka. Kemahirannya bukan setakat mensyarah pengertian matan, malah dapat menghuraikan kaedah mengenal sanad bagi mengetahui sahih tidaknya sesuatu uataian atau rangkap hadith yang dikupasnya<sup>68</sup>

Impak pengenalan pengajaran hadis oleh Tok Khurasan, menurut Dr. Abd. Hayei, boleh juga dilihat di Kelantan dalam bentuk penerusan dan kesinambungan halaqat pengajian hadis oleh beberapa orang muridnya seperti halaqat hadis yang dikendalikan oleh Haji Ahmad Mahir, Haji Asaad Haji Daud dan Haji Yaakob Haji Ahmad.<sup>69</sup> Selain daripada itu, impak pengajaran hadis Tok Khurasan turut boleh dilihat dalam bentuk berlakunya sedikit anjakan metodologikal dalam pola penfatwaan hukum di Kelantan.<sup>70</sup> Penting juga disebutkan bahawa selain daripada peranan pengajaran hadisnya yang telah membuka lembaran baru dalam pendekatan pengajian hadis di Kelantan, pengajaran Tok Khurasan berkenaan fiqh Hanafi juga boleh dianggap sebagai suatu sumbangan yang membuka episod baru kepada sejarah perkembangan pengajian fiqh di Kelantan.<sup>71</sup>

Selain Tok Khurasan, tokoh lain yang turut terlibat membawa pengaruh India ke Kelantan ialah Haji Nik Abdullah bin Haji Wan Musa. Walaupun beliau tidak melanjutkan pelajaran peringkat tingginya di India, tetapi beliau menerima dan mendalami aliran al-Dihlawi di Mekah di bawah tunjuk ajar Maulana Ubaidullah al-Sindhi.<sup>72</sup> Maulana Ubaidullah adalah tokoh lulusan Darul Ulum Deoband yang diusir keluar daripada India oleh British dan kemudiannya bermastautin di Mekah.<sup>73</sup>

## Kesimpulan

Al-Haramain, Mesir, Patani dan India adalah wilayah-wilayah yang sangat berpengaruh dalam mencorakkan pemikiran dan amalan keagamaan di negeri Kelantan. Setiap wilayah tersebut, dengan cara dan pola pemikiran yang tersendiri telah menyumbang kepada sejarah pemikiran dan pengamalan Islam di Kelantan. Hakikat ini berlaku kerana sesuatu entiti keilmuan Islam sebenarnya jika diteliti dan dihalusi mampu menyerlahkan rantaian hubungan intelektual dan jaringan autoriti perundangan Islam yang berpusat di pusat-pusat asal pemikiran hukum Islam khasnya di Timur Tengah dengan sesuatu kawasan di mana penyerapan dan

<sup>68</sup> Ismail Che Daud (2001), “Tok Khurasan (1875-1944),” dalam Ismail Che Daud, (ed), *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (I)*, h. 444.

<sup>69</sup> Abd. Hayie Abdul Sukor (1988), “Sumbangan Shah Waliyullah al-Dihlawi kepada Ilmu Hadith dan Pengaruhnya di Kelantan,” (Tesis P.hd. Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya), h. 288.

<sup>70</sup> *Ibid*, h. 289.

<sup>71</sup> Lihat Ismail Awang (2001), “Haji Yaakub Gajah Mati (1895-1956),” dalam Ismail Che Daud, (ed), *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (I)*, h. 600.

<sup>72</sup> Lihat Azharudin Mohamed Dali (2003), “Pengaruh India Dalam Gerakan Dan Perkembangan Islam di Kalangan Orang Melayu: Dengan Penelitian Terhadap Tariq Shah Wali Ullah dan Gerakan Tabligh,” *Jurnal YADIM*, Bil. 5, Dis. 2003, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiyah Malaysia, h. 26.

<sup>73</sup> Nik Abdul Aziz Nik Hassan (1977), *Sejarah Perkembangan Ulama’ Kelantan, Sejarah Gerakan dan Perkembangan Alam Pemikiran Islam di Jajahan Kota Bharu 1900-1940*, h. 98-29.

penyebaran kandungan nilai intelektual tersebut berlaku. Peranan dan pengaruh Hijaz, Mesir, Patani dan India kepada pembentukan corak pemikiran hukum Islam di Kelantan merupakan suatu realiti yang tidak boleh dipertikaikan. Sepanjang lebih beratus tahun, semenjak Islam mula diperkenalkan di Kelantan, penduduk Kelantan telah berinteraksi dengan pelbagai faktor Islam dari luar. Namun begitu, ia tidaklah menafikan pengaruh tempatan dalam pembentukan nilai hukum khususnya dinamisme minda tempatan yang juga mampu mengukir sejarah pemikiran dan kelilmuannya yang tersendiri. Sumber dan pengaruh luar sememangnya penting dan berfungsi dalam pembangunan pemikiran hukum tempatan, tetapi semuanya itu tertakluk dan tersalur dalam kerangka minda tempatan yang telah terbentuk hasil interaksi proses pendidikan dan hubungan dengan ekologi sosial setempat, nasional dan antarabangsa

### **Rujukan**

- Abd. Hayie Abdul Sukor Mohd Noor Deris (1988), “Sumbangan Shah Waliyullah al-Dihlawi kepada Ilmu Hadith dan Pengaruhnya di Kelantan,” (Tesis P.hd. Jabatan Pengajian Islam, Universiti Malaya).
- Abd. Jalil bin Borham (1996), “Sumbangan Ulama dalam Perkembangan Islam di Alam Melayu,” dalam *Jurnal Syariah*, j.4, bil. 2, Jul. 1996, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Halim Ahmad (1982), “Pendidikan Islam di Kelantan,” dalam Khoo Kay Kim, (ed), *Beberapa Aspek Warisan Kelantan*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Abdul Rahman Abdullah (1998), *Pemikiran Islam Di Malaysia Sejarah Dan Aliran*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka dan Pusat Pendidikan Jarak Jauh USM.
- Abdul Rahman Al-Ahmadi (2004), *Abdul Kadir Adabi dan Asaad Shukri: Suatu Perbandingan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Razak Mahmud (1408H-1987M), “Masjid Muhammadi Kota Bharu (1867-1987),” dalam *Pengasuh*, bil. 490, Rabi’ul akhir 1408H - Dis 1987M, Kota Bharu: MAIK.
- Abdul Razak Mahmud (2000), “Persuratan Islam di Kelantan, Terengganu dan Fatani Sehingga Awal Abad Ke-20,” dalam *Pengasuh*, bil. 566, Rejab-Sya’ban-Oktober-Nov. 2000, Kota Bharu: MAIK.
- Abdul Razak Mahmud (2001), “Haji Wan Daud Khatib (1860an-1936),” dalam Ismail Che Daud, (ed), *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (I)*.
- Abdul Razak Mahmud (2002), *Ikhtisar Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.

Abdullah Alwi Haji Hassan (1980), “The Development of Islamic Education in Kelantan,” dalam Khoo Kay Kim *et al.* (ed), *Islam di Malaysia*, c.2, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Abdullah Alwi Haji Hassan (1996), *The Administration of Islamic Law in Kelantan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Ahmad Mohammad Ibrahim, Mahmud Saedon *et al.* (1990), “Islamization of The Malay Archipelago and the Impact of al-Shafis *Madhab* on Islamic Teachings and Legislation in Malaysia,” dalam Research Papers of the Symposium on the Commemoration of the Twelfth Centenary of the Death of Imam al-Shafii, Kuala Lumpur, Malaysia, 13-15 August, ISESCO.

Azharudin Mohamed Dali (2003), “Pengaruh India dalam Gerakan dan Perkembangan Islam di Kalangan Orang Melayu: Dengan Penelitian Terhadap Tariq Shah Wali Ullah dan Gerakan Tabligh,” *Jurnal YADIM*, bil. 5, Dis 2003, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.

Azyumardi, Azra (1997), “Education, Law, Mysticism: Constructing Social Realities,” dalam Mohd Taib Osman, (ed.), *Islamic Civilisation in the Malay World*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.

Azyumardi, Azra (1999), “Ulama Jawi di Haramayn: Pasang Surut Wacana Religio-Intelektual,” dalam Azyumardi, Azra, *Renaisans Islam Asia Tenggara Sejarah Wacana dan Kekuasaan*, Bandung: PT Remaja Rosdakarya.

Hamdan Hassan (1985), “Peranan Pendidikan Islam Masjid Muhammadi Kota Bharu Pada Permulaan Abad ke-20 Masihi,” dalam Nik Safiah Karim dan Wan Abdul Kadir Yusoff, (ed), *Kelantan Dalam Perspektif Sosio-Budaya: Satu Kumpulan Esei*, Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian Melayu.

Hashim Haji Musa (2001), *Merekonstruksi Tamadun Melayu Islam Ke Arah Pembinaan Sebuah Tamadun Dunia Alaf Ketiga*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.

Ismail Awang (2001), “Haji Yaakub Gajah Mati (1895-1956),” dalam Ismail Che Daud, (ed), *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (I)*.

Ismail Che Daud (1991), “Sekolah Pondok di Negeri Kelantan: Satu Tinjauan Umum,” dalam Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, (ed), *Warisan Kelantan X*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Ismail Che Daud (1994), “Satu Abad Mufti-Mufti Kerajaan Kelantan,” dalam Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, (ed) *Warisan Kelantan X*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Ismail Che Daud (2001) , “Syeikh Wan Ahmad Patani (1856-1908),” dalam Ismail Che Daud, (ed), *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (I)*

Ismail Che Daud (2001), “Syeikh Wan Ahmad Patani (1856-1908),” dalam Ismail Che Daud, (ed), *Tokoh-Tokoh Ulama’ Semenanjung Melayu (I)*

M. Kamal Hassan (1996), *Towards Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysian Society, Some Critical Observations*, Petaling Jaya: ABIM.

Mahmood Zuhdi (1992), *Sejarah Pembinaan Hukum Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Jabatan Penerbitan Universiti Malaya.

Md. Sidin Ahmad Ishak, Mohammad Redzuan Othman (2000), *The Malays in the Middle East*, Kuala Lumpur: University of Malaya Press.

Mohammad Redzuan Othman (2001), “Masjid al-Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Intelektualisme Masyarakat Melayu,” dalam *Jurnal Usuluddin*, bil.13, Jul. 2001, Kuala Lumpur: Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Mohammad Redzuan Othman (2001), “Masjid al-Haram dan Peranannya Dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Masyarakat Melayu,” dalam *Jurnal Usuluddin*, Bil 13, Jamadil –Awwal 1422/ Julai 2001, Kuala Lumpur: APIUM.

Mohd Pakhruddin bin Abdullah (2003), “Pengajian Ilmu Fiqh di Pondok Pasir Tumbob: Satu Kajian Terhadap Metodologi dan Keberkesanannya, (Disertasi Sarjana Usuluddin Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, bahagian Pengajian Usuluddin Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

Mohd Yusoff Abd.Rahman (1975-77), “Pelajaran Ugama dan Kemunculan Ulamat Kelantan,” dalam *Jebat*, bil. 5/6, 1975/76-1976-77, Bangi: Jabatan Sejarah, UKM.

Mohd Zamperi Abd. Malek (1994), *Patani Dalam Tamadun Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Muhammad Hussein Khal’ie Awang (1970), *Kelantan dari Zaman ke Zaman*, Kota Bharu: Syarikat Dian Sdn. Bhd.

Muhammad Kamil Haji Abdul Majid (1993), “Dakwah Islamiyyah di Kelantan dari Zaman Long Yunus hingga Perang Dunia II,” dalam *Pengasuh*, Bil.526, Ramadan-Zulkaedah 1413H – Mac-April 1993, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.

Muhammad Yunan Mahmood (1997), *Sejarah Maahad Muhammadi 1937-1997*, Kota Bharu: Maahad Muhammadi Lelaki.

Nik Abdul Aziz Nik Hassan (1977), *Sejarah Perkembangan Ulama' Kelantan, Sejarah Gerakan dan Perkembangan Alam Pemikiran Islam di Jajahan Kota Bharu 1900-1940*.

Nik Abdul Aziz Nik Hassan (1983), "Lima Orang Tokoh Ulama di Negeri Kelantan," dalam Nik Abdul Aziz Nik Hassan, (ed), *Islam di Kelantan*, Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.

Nik Mohamed Nik Mohd Salleh (1985), "Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan," dalam Nik Mohamed Nik Mohd Salleh, (ed), *Warisan Kelantan IV*, Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.

Omar Awang (1981), "The Major Arabic Sources Which Determined The Structure of Islamic Thought in the Malay Archipelago Before the Nineteenth Century A.D. in the Field of Law, Theology, and Sufism," dalam Lutpi Ibrahim, (ed), *Islamika Esei-Esei Sempena Abad ke-15 Hijrah*, Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise.

Rahimin Affandi Abdul Rahim (2001), "Pengaruh dan Pemikiran Fuqaha Patani Dalam Perundangan Islam di Malaysia: Satu Analisa," (Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara I: Peranan dan Sumbangan Ulama Patani, di Pattani, Thailand, 19-20 Mei 2001 – 26-27 Safar 1422H, anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Thailand.

Roff, William (1974), "The Origin and Early Years of the Majlis Agama," dalam Roff, William, (ed), *Kelantan Religion, Society and Politics in a Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Roff, William (1996), "An Argument about How to Argue," dalam Masud, Khalid et al. (ed), *Islamic Legal Interpretation, Muftis and Their Fatwas*, London: Harvard University Press.

Roff, William R (1970), "Indonesian and Malay Students in Cairo 1920's," *Indonesia*, no.9, April 1970, Cornell University.

S.Othman Kelantan (1980), *Qiblah*, bil. 119, Jul 1980, Tahun 10

Samsu Adabi Mamat (2001), "Sumbangan Ulama Patani Terhadap Pendidikan Ulama Tanah Melayu (Malaysia) Awal Abad Ke-20," (Kertas Kerja Nadwah Ulama Nusantara I: Peranan dan Sumbangan Ulama Patani, di Pattani, Thailand, 19-20 Mei 2001 – 26-27 Safar 1422H, anjuran Fakulti Pengajian Islam, UKM dan Kolej Pengajian Islam, Prince of Songkla University, Thailand.

Shafie Abu Bakar (1984), "Ke Arah Pembaikan dan Pengembangan Sistem Pondok di Malaysia – Suatu Penyesuaian Dengan Perkembangan Pendidikan Kini," dalam *Jurnal Pendidikan Islam*, bil. 2, Muharam 1405-Okt. 1984, Kuala Lumpur: ABIM.

Syed Muhammad Naquib al-Attas (1990), *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Petaling Jaya: ABIM.

Van Bruinessen, Martin, (1994), "Origins and Development of the Sufi Orders (Tarekat) in Southeast Asia," *Studia Islamika*, vol.1, no.1, Jakarta: Centre for the Study of Islam and Society of the State, Institute for Islamic Studies.

Wan Burhadin Wan Omar (1983), "Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan (sehingga 1974)," dalam Nik Abdul Aziz Nik Hassan, (ed), *Islam di Kelantan*.

Wan Mohd Shaghir Abdullah (2001), *Penyebaran Islam dan Silsilah Ulama Sejagat Dunia Melayu*, c.2, Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah.

Wan Mohd Shaghir Abdullah (2000), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, j.1, Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah.

Wan Mohd Shaghir Abdullah (2000), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, j.2, Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah.

Wan Mohd Shaghir Abdullah (2001), "Manuskrip Melayu Pattani: Hubungan Pattani, Natuna, Kelantan, Terengganu dan Kemboja," (Kertas Kerja Kolokium Peradaban Melayu Kawasan Timur Laut, di Kota Bharu Kelantan, 18-20 September 2001, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka)

Wan Mohd Shaghir Abdullah (2002), *Wawasan Pemikiran Islam Ulama Asia Tenggara*, j.4, Kuala Lumpur: Persatuan Pengkajian Khazanah Klasik Nusantara & Khazanah Fathaniyah.